

**PERUTUSAN  
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM  
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
SEMPENA  
SAMBUTAN HARI INTEGRITI NASIONAL 2008  
PERINGKAT UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
PADA HARI ISNIN, 3 NOVEMBER 2008, PUKUL 8.30 PAGI  
DI ASTAKA, UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

---

**SALUTASI**

Yang Berusaha Saudara Pengacara Majlis;

Profesor Dr. Sabarudin bin Mohd,  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa);

Profesor Dr. Rosli bin Mohd. Yunus,  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi);

Haji Mustafa bin Ibrahim,  
Pendaftar;

Encik Zainudin bin Othman,  
Bendahari;

Haji Ruslan bin Che Pee,  
Ketua Pustakawan;

Saudari Nik Aimie Farah binti Nik Azhan,  
Naib Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar;

Profesor-profesor, Dekan-dekan,  
Pengarah-pengarah dan Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab;

Ahli-ahli Majlis Perwakilan Pelajar;

Tuan-tuan dan puan-puan;

Warga UMP yang dihormati sekalian.

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*  
dan Salam Sejahtera.

## **KATA PEMBUKA**

1. Setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah Taala, kerana dengan rahmat keizinan-Nya, maka saya dapat bersama dengan tuan-tuan dan puan-puan sekalian dalam Perhimpunan Sempena Hari Integriti Nasional 2008 Peringkat Universiti Malaysia Pahang pada pagi ini.
2. Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Jawatankuasa Pelaksana Sambutan Hari Integriti Nasional 2008 Peringkat UMP yang diterajui oleh Encik Ghazali bin Hasan kerana telah dapat mengatitkan perhimpunan pada pagi ini dan menjemput saya untuk menyampaikan sepatah dua perutusan dan pesanan buat warga UMP sempena Hari Integriti Nasional 2008.

## **5 NOVEMBER: TARIKH SAMBUTAN HARI INTEGRITI**

3. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sejak tahun 2005, tarikh 5 November telah diisytiharkan sebagai Hari Integriti Nasional bagi negara ini. Ini adalah selaras dengan dasar kerajaan yang meletakkan pengukuhan integriti dalam tadbir urus negara, khususnya sektor awam sebagai keutamaan. Sambutan Hari Integriti Nasional pada tarikh 5 November setiap tahun adalah manifestasi

- komitmen dan keseriusan kerajaan untuk memastikan Pelan Integriti Nasional direalisasikan secara total di semua peringkat pentadbiran negara.
4. Universiti Malaysia Pahang, sebagai sebuah badan berkanun Persekutuan yang juga sebahagian daripada perkhidmatan awam sentiasa sedar bahawa isu-isu berkaitan integriti, akauntibiliti dan ketelusan adalah perkara-perkara pokok yang sentiasa relevan dan memerlukan perhatian berterusan. Alhamdulillah, selepas tiga tahun Hari Integriti Nasional dirayakan di peringkat Persekutuan, buat julung-julung kalinya ia sebuah acara rasmi UMP mulai tahun ini.
  5. Sambutan Hari Integriti Nasional 2008 Peringkat UMP tidak harus dilihat sebagai sebuah upacara atau majlis yang datang dan pergi atau dalam kata lain *'touch n go'* semata-mata tanpa meninggalkan sebarang kesan kepada warga Universiti ini. Sambutan Hari Integriti yang dimulakan secara formal dan serius mulai tahun ini bukanlah sekadar untuk berpacara tanpa sebarang pengisian. Sambutan Hari Integriti ini adalah isyarat keseriusan dan komitmen Pihak Pengurusan Universiti untuk memastikan warga UMP, sama ada staf mahupun pelajar mengamalkan budaya kerja cemerlang secara berterusan yang kukuh terbina atas landasan integriti, akauntibiliti dan ketelusan.

## **HAKIKAT YANG PERLU DIIRENUNGI DAN DIINSAFI**

6. Tuan-tuan dan puan-puan,

Kajian Indeks Persepsi Rasuah atau *Corruption Perception Index – CPI* bagi tahun 2007 yang dijalankan oleh *Transparency International* mendedahkan dapatan yang agak membimbangkan bagi kita rakyat Malaysia. Walaupun Malaysia berada di tangga 43 daripada 180 buah negara pada tahun 2007 berbanding 44 pada tahun 2006, namun ini tidak menunjukkan kemajuan kerana pencapaian skor CPI kita merosot daripada skor 5.0 pada tahun 2006 kepada skor 5.1 pada tahun 2007. Untuk makluman, dalam skema kajian CPI skor 10 dianggap terburuk manakala skor 0 adalah terbaik. Kita menanti pula apakah dapatan kajian CPI untuk Malaysia bagi tahun 2008 yang akan diumumkan kelak.

7. Di sinilah letaknya peranan Universiti sebagai ejen perubah yang seharusnya berupaya mengemukakan jalan penyelesaian kepada kemelut ini. Hal ini mendapat perhatian serius Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi yang seringkali menyatakan bahawa prasarana di negara ini adalah pada tahap kelas pertama; tetapi mentaliti dan cara berfikir kita masih berada pada kelas ketiga.

7. Sepertimana juga najis dadah yang dianggap sebagai musuh nombor satu negara, begitulah juga halnya dengan perbuatan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan yang sepatutnya juga dibenci dan dijauhi sebagai parasit yang merosakkan kestabilan negara. Sebagai sebuah agensi kerajaan, UMP terikat dengan undang-undang, peraturan dan garis panduan tertentu, baik dalam pengurusan mahupun kewangan. Peraturan dan undang-undang yang digubal ini perlulah dilihat sebagai kerangka utama dan perimeter yang mengawasi tindak-tanduk operasi harian supaya sentiasa telus.
8. Justeru, sepertimana juga kecemerlangan, integriti juga perlu dibudayakan. Integriti haruslah dilihat dalam konteks dan erti kata yang luas, meliputi segala aspek urusan dan kewajipan kita. Amanah, tanggungjawab dan kejujuran adalah nilai-nilai penting integriti yang perlu dihayati. Ini termasuklah juga memberikan perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti kepada para pelanggan kita, khususnya para pelajar, mengurangkan karenah birokrasi.
9. Kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh kita di Universiti ini sentiasa diperhatikan dan nilai oleh pihak luar. Jangan kita sesekali kita lupa, kesilapan atau kecuaiian yang tampak kecil atau remeh boleh membawa kepada akibat yang memudaratkan kepada imej dan reputasi UMP di mata umum. Suasana baru dunia tanpa sempadan dengan maklumat terkini yang

- aksesibel di mana sahaja pada bila-bila masa memungkinkan berita mengenai ketidakcekapan perkhidmatan dan kecuaiian tugas tersebar dengan cepat.
10. Dengan kemudahan mel elektronik, laman web dan blog, apa sahaja berita yang mungkin tidak sedap didengar dengan cepat disebarkan. Janganlah seperti kata pepatah Melayu, 'sudah terhantuk, baru terngadah'. Dalam budaya kerja cemerlang yang berteraskan berfokuskan strategi, berasaskan nilai dan berpandukan prestasi, keutamaan hendaklah diberikan untuk menambahbaik kualiti perkhidmatan dan mengekalkan kepercayaan para pelanggan dan pemegang taruh terhadap kita. Kegagalan sistem penyampaian perkhidmatan yang diakibatkan kecuaiian dan ketidakberkesanan tindakan hingga menjejaskan imej Universiti sama sekali tidak boleh dikompromi.
  11. Berbeza daripada bekerja di agensi atau organisasi lain, bekerjaya di sesebuah institusi pendidikan seperti UMP menuntut kita untuk menjadi *role-model* yang boleh diteladani para pelajar. Para pelajar terdiri dari golongan yang meningkat dewasa, dan dengan pemikiran kritis mereka sentiasa sensitif terhadap sebarang tindak-tanduk kita sebagai staf.
  12. Tanggungjawab menjadi *role-model* ini tidaklah hanya terletak pada sesebuah jabatan, fakulti atau MPP semata-mata, ia adalah tanggungjawab kolektif daripada peringkat akar umbi pentadbiran

hinggalah ke pengurusan tertinggi. Mempamerkan sikap positif dan baik seperti menepati masa, mematuhi papan tanda lalu lintas dan memakir kenderaan di tempat yang dibenarkan sahaja, sekurang-kurangnya telah menjadikan anda role-model yang baik kepada para pelajar, walaupun terdapat segelintir staf yang nampaknya amat memandang mudah terhadap perkara ini. Integriti menuntut supaya kita dilihat *impartial* atau tidak memihak dalam tindakan, tanpa sebarang *double standard*.

## **SALING KAITAN PELAN INTEGRITI NASIONAL DAN NILAI-NILAI TERAS**

### **UMP**

13. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sempena Sambutan Hari Integriti Nasional kali ini, adalah penting bagi kita sekalian untuk kembali melihat, memahami dan menghayati falsafah yang terkandung dalam dokumen Pelan Integriti Nasional atau PIN yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi pada tahun 23 April 2004.

14. PIN digubal selaras dengan cabaran keempat Wawasan 2020 iaitu untuk "membentuk sebuah masyarakat yang kukuh nilai moral dan etikanya, dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur."

15. Kita sekalian sebagai warga UMP memikul tanggungjawab bersama untuk memastikan lima objektif yang telah digariskan melalui pelaksanaan PIN dapat direalisasikan iaitu:
- i. Memberikan hala tuju dan bimbingan pelbagai sektor supaya mereka dapat bekerjasama dalam usaha besar membina masyarakat yang bersatu padu, berharmoni, bermoral dan beretika;
  - ii. Meningkatkan kesedaran, komitmen dan kerjasama pelbagai sektor dalam usaha peningkatan integriti menjadi budaya masyarakat dan diamalkan dalam semua bidang;
  - iii. Menggalakkan semangat bertanggungjawab di kalangan anggota masyarakat serta mendorong perkembangan masyarakat sivil yang menjunjung integriti dan bergerak cergas menegakkan integriti;
  - iv. Menyumbang kepada usaha pengukuhan asas moral masyarakat dan negara, dan peningkatan kesejahteraan hidup anggota masyarakat; dan



- v. Meningkatkan daya saing dan daya tahan Malaysia dalam usaha menangani cabaran abad ke-21 khususnya cabaran globalisasi dengan lebih berkesan.
16. Berdasarkan kelima-lima objektif pelaksanaan PIN inilah, kita dapat melihat fungsi beberapa agensi kerajaan yang berkaitan telah diperkasakan bagi memastikan agenda nasional ini dijalankan dengan berkesan. Fungsi Badan Pencegah Rasuah (BPR) dan Biro Pengaduan Awam (BPA) di Jabatan Perdana Menteri telah diperkukuhkan bagi tujuan aduan awam dan penguatkuasaan. Komitmen kerajaan turut terserlah dengan penubuhan Institut Integriti Malaysia dan Suruhanjaya Pelantikan Hakim yang bakal dimuktamadkan tidak lama lagi.
17. Dengan komitmen ini, warga UMP khususnya dan rakyat Malaysia amnya harus menggembleng usaha dan tenaga bagi membudayakan etika dan integriti dalam erti kata yang sebenarnya. Ini adalah selaras dengan lima matlamat holistik yang dinamakan Tekad 2008 yang telah dihasratkan oleh kerajaan melalui lima objektif pelaksanaan PIN yang dinyatakan sebentar tadi iaitu:
- i. Mengurangkan gejala rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa secara berkesan;

- ii. Meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam dan mengatasi karenah birokrasi;
  - iii. Meningkatkan tadbir urus korporat dan etika perniagaan;
  - iv. Memantapkan institusi keluarga; dan
  - v. Meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat.
18. Kelima-lima sasaran dalam Tekad 2008 ini adalah amat berkait rapat dengan perkhidmatan kita sebagai penjawat awam di Universiti ini. Barisan kepimpinan di peringkat Pihak Pengurusan, Fakulti dan Pusat Tanggungjawab perlulah melihat kelima-lima aspek ini sebagai cabaran yang perlu ditangani di peringkat pentadbiran masing-masing.
19. Justeru, dalam konteks perkhidmatan kita di Universiti ini, kelima-lima nilai teras UMP iaitu;
- i. Hubungan yang kuat dengan Maha Pencipta;
  - ii. Teguh dalam mempertahankan prinsip yang disepakati;
  - iii. Kreatif dan bijaksana dalam membuat keputusan;

iv. Cekal menghadapi cabaran; dan

v. Proaktif dalam tindakan

ialah aspek-aspek penting yang amat jelas saling kaitannya dengan pelaksanaan PIN dan pembudayaan integriti dan memerlukan amalan yang konsisten dan berterusan. Dengan konsep "Kepimpinan melalui teladan" dan *walk your talk*, usaha ini pastinya akan membawa UMP ke arah kecemerlangan.

20. Kini, dengan fungsi pemantauan pelaksanaan PIN, pembudayaan integriti dan keutuhan pengurusan di bawah tanggungjawab langsung Pejabat Naib Canselor, inisiatif-inisiatif sedia ada akan diperkasakan diberi nafas baharu supaya agenda pembudayaan integriti dan kecemerlangan dilihat sebagai sesuatu yang serius oleh warga Universiti ini. Ini termasuklah pemerkasaan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan dan pengauditan secara berkala.
21. Bagi tujuan kesedaran atau *awareness* pula, Sambutan Hari Integriti Nasional Peringkat UMP yang kita mulakan mulai tahun ini akan menjadi agenda berterusan yang akan ditingkatkan pengisiannya dari semasa ke semasa. Siri-siri syarahan dan forum umum juga telah dirangka dan

Alhamdulillah, untuk sambutan tahun ini, kita telah berjaya mendapatkan dua tokoh besar dalam bidang masing-masing iaitu Profesor Dr. Abdul Aziz bin Bari, Pakar Perlembagaan dari UIAM dan Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Khoo Kay Kim, Sejarawan dari UM untuk datang ke Universiti dan berwacana secara ilmiah mengenai isu-isu integriti. Insya-Allah, mulai tahun hadapan lebih ramai lagi tokoh nasional dan antarabangsa akan kita jemput dalam siri syarahan dan forum umum anjuran Pejabat Naib Canselor. Sambutan Hari Integriti Nasional yang disambut sederhana di UMP pada tahun ini akan Insya-Allah dimeriahkan lagi dengan pelbagai pengisian bermanfaat pada tahun-tahun akan datang.

#### **KATA PENUTUP DAN LAFAZ PERASMIAN**

22. Tuan-tuan dan puan-puan,

Sebelum mengakhiri perutusan ini, saya ingin memetik maksud Hadith Rasulullah S.A.W yang bermaksud *"tidak sempurna agama bagi mereka yang tidak ada amanah dan tidak sempurna iman bagi mereka yang tidak menunaikan amanah."* Sesungguhnya membudayakan integriti adalah kewajipan bersama seluruh warga UMP. Keputusan dan tindakan yang telus, pengurusan yang efisien serta kepimpinan yang efektif mampu memastikan lonjakan UMP ke arah kecemerlangan menjadi realiti.

23. Tahniah diucapkan kepada seluruh warga kerja UMP yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung bagi menjayakan Sambutan Hari Integriti Nasional 2008 Peringkat Universiti ini dan mudah-mudahan rahmat perlindungan Allah Taala sentiasa mengiringi usaha murni kita, Insya-Allah.
  
24. Dengan lafaz yang mulia Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya melancarkan Sambutan Hari Integriti Nasional 2008 Peringkat UMP.

Sekian,

*Wabillahi taufiq walhidayah,*

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Terima kasih.